

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[ WANGSA MAJU ]**

**TARIKH : 6 OGOS 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sebab Kementerian untuk meneruskan projek pembinaan laluan monorel yang sebelum ini ditangguhkan selama 25 tahun dan adakah Kementerian sudah menjalankan penilaian dan kajian analisis biaya dan manfaat bagi projek ini.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Infrastruktur monorel di Putrajaya telah mula dibina oleh Kerajaan pada tahun 2000, meliputi pembinaan terowong bawah tanah, jambatan dan juga stesen integrasi yang terletak di Putrajaya Sentral.
2. Mengambil kira infrastruktur-infrastruktur monorel yang telah dibina tersebut dan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran Negara, Kementerian Pengangkutan merancang untuk menyediakan satu perkhidmatan pengangkutan awam yang menyeluruh dan turut merangkumi kawasan-kawasan sekitar Putrajaya seperti Cyberjaya, Bangi dan Kajang. Perancangan pengangkutan awam di kawasan ini juga adalah sebagai satu langkah untuk meningkatkan kesalinghubungan di antara mod pengangkutan sedia ada dan akan datang seperti MRT Laluan 2 (Sungai Buloh – Serdang – Putrajaya) dan *Kuala Lumpur - Singapore High Speed Rail* (stesen provisional).
3. Sehubungan itu, Kementerian Pengangkutan kini dalam proses menjalankan Kajian Pengangkutan Awam di Putrajaya, Cyberjaya, Bangi dan Kajang. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti opsyen pengangkutan awam yang paling sesuai dan berdaya maju (*viable*) bagi koridor Putrajaya, Cyberjaya, Bangi dan Kajang, termasuk kesesuaian untuk menggunakan infrastruktur monorel sedia ada di Putrajaya. Selain itu, kajian ini juga akan mengkaji analisis biaya dan manfaat bagi setiap opsyen pengangkutan awam sebelum opsyen yang paling sesuai dicadangkan kepada Kerajaan.

Sekian, terima kasih.